

# PERALIHAN KE EKONOMI HIJAU SELEPAS COVID-19

Toolkit for Parliamentarians

 ASEAN PARLIAMENTARIANS  
FOR HUMAN RIGHTS

 Hanns  
Seidel  
Foundation



# PELUANG "MEMBANGUN KEMBALI DENGAN LEBIH BAIK"

Pandemik COVID-19 dan kemelesetan ekonomi telah mendedahkan kegagalan dan kerapuhan sistem ekonomi kita, yang mengutamakan kepentingan perniagaan daripada orangramai dan persekitaran, ketidaksamaan dan gagal melindungi yang paling rentan.

Untuk pulih dari kemelesetan yang disebabkan oleh pandemik ini, kebanyakan negara-negara telah memulakan langkah-langkah pemulihan bagi memulih ekonomi mereka. Berbagai model ekonomi yang akan disokong oleh langkah-langkah ini sangat penting dalam membentuk masa depan kita, dan ianya memberikan peluang yang ideal bagi membebaskan diri dan beralih ke arah ekonomi yang lebih adil, lestari dan berdaya tahan.

Beralih ke arah ekonomi yang lebih hijau adalah penting bagi "**membangun kembali lebih baik.**"

**Pemulihan** hijau adalah penerapan langkah-langkah yang bertujuan untuk mempercepat pemulihan ekonomi sekaligus mengurangi pelepasan gas rumah kaca (GRK) dan membantu mengurangi pemanasan global.

Fokus langkah-langkah ini adalah untuk beralih dari industri bergantung kepada bahan bakar fosil (seperti minyak, arang batu, dan gas) ke arah pengembangan tenaga bersih dan boleh diperbaharui seperti tenaga suria, tenaga panas bumi, tenaga angin dan tenaga air.

## MANFAAT PEMULIHAN HIJAU

### Menghadkan pemanasan global:

Asia Tenggara adalah salah satu wilayah yang paling terjejas di dunia terhadap impak perubahan iklim, pengancaman akses kepada makanan, air, dan sumber alam lain dan berupaya menyebabkan konflik, kemiskinan dan pandemik.

Kerangka Pemulihan Komprehensif ASEAN mengakui bahawa "perubahan iklim merupakan risiko utama kepada ASEAN," dan bahawa "tindakan untuk mengurangkan kesan perubahan iklim harus segera diambil."

Seiring dengan waktu untuk memastikan pemanasan global di bawah 1.5 °C, seperti yang disepakati dalam Perjanjian Paris, sangat penting untuk segera mendorong dasar untuk pemulihan hijau.



## Membangunkan pemulihan yang lebih pantas dan ekonomi yang lebih berdaya tahan:

- Dengan mengekalkan suhu global di bawah 2 °C, para pakar meramalkan ASEAN dapat mengelakkan penurunan KDNK sebanyak 25% pada akhir abad ini.
- Menggunakan dana pemulihan COVID-19 untuk mengurangkan risiko iklim dapat mencegah kenaikan hutang terutama ketika menanggapi krisis yang disebabkan oleh perubahan iklim seperti taufan, pandemik dan banjir.
- Bank Pembangunan Asia menganggarkan bahawa perbelanjaan modal sebanyak USD 172 bilion di kawasan mesra iklim utama seperti tenaga bersih, dapat mewujudkan 30 juta pekerjaan di Asia Tenggara menjelang 2030.

## LANGKAH-LANGKAH UNTUK MEMPROMOSIKAN PEMULIHAN HIJAU



**Subsidi kerajaan atau pengurangan cukai untuk produk yang mesra alam:** **Indonesia** dan **Filipina** memberi pengurangan cukai untuk industri dan SME yang mengadaptasi projek tenaga yang boleh diperbaharui.



**Kenaikan cukai untuk produk berbahaya kepada alam sekitar:** **Singapura** dijangka akan menaikkan kadar cukai petrol hingga 15% seliter sebagai sebahagian inisiatif sokongannya kepada kenderaan elektrik.



**Pelaburan dalam infrastruktur tenaga bersih:** **Indonesia, Malaysia,** dan **Singapura** mengambil langkah-langkah untuk mempercepat pengeluaran tenaga suria seperti pemasangan panel suria di atap, lampu jalan LED dan saluran transmisi.



**Pelaburan dalam infrastruktur pengangkutan bersih:** **Filipina** memperuntukkan belanjawan untuk membangunkan kaki lima yang dapat diakses dan lorong basikal terlindung.



**Insentif untuk kenderaan elektrik:** **Singapura** memberi rebat pendaftaran dan cukai jalan bagi pemilik kenderaan elektrik semasa penularan wabak pandemik.



**Insentif untuk tenaga bersih dan peralatan yang mesra elektrik dan tenaga:** **Singapura** menyediakan baucar isi rumah untuk peralatan yang mesra tenaga dan air, seperti peti sejuk mesra iklim, kelengkapan mandi jimat air dan lampu LED.



**Sokongan untuk peningkatan pembangunan dan perumahan hijau baru: Singapura** merancang untuk meningkatkan prestasi tenaga minimum bangunan baru dan sedia ada sehingga sekurang-kurangnya 80% bangunan di Singapura akan dihijaukan menjelang 2030.



**Pembiayaan penyelidikan dan pembangunan bersih: Thailand** meluluskan lebih dari USD 1 bilion projek untuk rangkaian bekalan, penyelidikan dan pengembangan kenderaan elektrik.



**Pelaburan dalam infrastruktur semula jadi dan ruang hijau: Singapura** menumpukan sumber daya untuk meningkatkan landskap semula jadi negara.



**Latihan semula pekerja hijau dan penciptaan pekerjaan hijau:** Tidak ada contoh dari Asia Tenggara tetapi Pakistan meluluskan Rangsangan Hijau untuk para belia, wanita, dan pekerja upah harian yang menganggur untuk memperoleh pendapat dari campur tangan berasaskan alam seperti: menanam pokok, meningkatkan perlindungan hutan semula jadi, dan meningkatkan sanitasi air.



**Conditional government support for polluting businesses with green strings attached:** No examples from Southeast Asia but France included conditions to a rescue package to Air France such as: halving CO2 emissions per passenger per kilometre by 2030 and halving domestic emissions by the end of 2024.

## LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENGELAKKAN KERANA MENYUMBANG KEPADA PEMANASAN GLOBAL TERMASUK:



**Sokongan untuk perniagaan yang mencemarkan alam sekitar tanpa syarat ikatan hijau atau keperluan untuk menerapkan amalan yang lebih mesra alam: Indonesia** memberikan suntikan modal kepada PT Pertamina (Minyak & Gas), Garuda Indonesia (Syarikat Penerbangan), dan PLN (elektrik), berjumlah lebih dari USD 6.29 bilion tanpa syarat.



**Memberikan subsidi atau mengecualikan bayaran untuk industri yang memudaratkan alam sekitar: Indonesia** memberikan potongan harga bahan bakar jet bernilai USD 2 juta untuk syarikat penerbangan di sembilan lapangan terbang.











**Memberikan subsidi atau pengurangan cukai untuk produk berbahaya bagi alam sekitar: Indonesia** menurunkan harga elektrik domestik yang dihasilkan oleh bahan bakar fosil dan gas industri.



**Menurunkan standard persekitaran: Filipina** menarik balik larangan pelombongan mineral baru berdasarkan Perintah Eksekutif 130.

# APA YANG BOLEH DILAKUKAN OLEH AHLI-AHLI PARLIMEN?


-  Menggunakan laporan APHR "Membangun Kembali Lebih Baik": Peralihan Asia Tenggara ke ekonomi hijau selepas COVID-19 "untuk mempromosikan penggunaan dasar pemulihan hijau yang disebutkan di atas.
-  Mendesak kerajaan anda untuk menyerahkan sasaran NDC yang lebih bercita-cita tinggi kepada Perjanjian Paris.
-  Mengutamakan peruntukan belanjawan untuk tenaga boleh diperbaharui, pengangkutan awam, kecekapan tenaga, kenderaan elektrik, dan bidang utama lain dengan ekonomi rendah karbon
-  Mempromosikan pelaburan dalam infrastruktur semula jadi dan ruang hijau untuk mengelakkan kemungkinan kerosakan akibat bencana yang berkaitan dengan iklim seperti banjir
-  Secara terbuka menaikkan kos alam sekitar dan hak asasi manusia untuk pembangunan arang batu dan lain-lain dasar yang memudaratkan alam sekitar
-  Mempromosikan penyertaan sivik yang bermakna untuk memastikan pemulihan hijau yang menyokong hak asasi manusia.
-  Berjumpa dengan pengundi dan rakyat untuk memahami masalah iklim mereka yang paling mendesak, dan mengemukakannya kepada kerajaan.
-  Menggunakan jawatankuasa dan perbahasan parlimen untuk mengutarakan isu iklim dan faedah ekonomi hijau.

Untuk cadangan khusus negara klik di sini: [Indonesia](#), [Malaysia](#), [Filipina](#), [Singapura](#), [Thailand](#), dan [Timor-Leste](#).

## UNTUK MAKLUMAT LANJUT:



- ["Membangun Kembali Lebih Baik": Peralihan Asia Tenggara ke ekonomi hijau selepas COVID-19.](#)
- [Respons Ekonomi Covid-19: Manifesto Ahli Parlimen ASEAN.](#)
- Sila hubungi: [info@aseanmp.org](mailto:info@aseanmp.org).



**ASEAN PARLIAMENTARIANS  
FOR HUMAN RIGHTS**

SEPTEMBER 2021



**Hanns  
Seidel  
Foundation**